



## Pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang asli: Suatu tinjauan literatur

Nurul Amira Abdul Wahab, Azima Abdul Manaf, Suraiya Ishak, Zaimah Ramli, Zanisah Man

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Correspondence: Azima Abdul Manaf (email: azima@ukm.edu.my)

Received: 7 December 2022; Accept: 20 November 2022; Published: 30 November 2022

### Abstrak

Kesedaran, pemikiran mahupun interaksi kekeluargaan dalam kalangan orang Asli dalam memahami keperluan dalam konteks pemilikan tanah masih belum cukup kukuh. Adanya norma sosial dibentuk dalam kelompok masyarakat berserta identiti dan nilai orang Asli yang tersendiri memerlukan pengaturan melalui peruntukan formal dan undang-undang bagi menyelesaikan sesuatu isu atau konflik berkaitan tanah adat. Hak pemilikan sememangnya penting diperjuangkan untuk mengekalkan kelangsungan hidup dan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan serta mengatasi persaingan ke atas tanah. Sehubungan itu, artikel ini menjawab persoalan terhadap kepentingan keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli. Objektif artikel adalah untuk memberi pemahaman atau justifikasi teliti mengenai keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli dengan menggunakan tinjauan literatur naratif yang diadakan berdasarkan data sekunder diperoleh melalui pangkalan data elektronik dan rujukan artikel dan jurnal. Hasil dan perbincangan melalui sorotan karya literatur mendapati bahawa keperluan pemilikan tanah orang Asli terbahagi kepada lima elemen utama. Antaranya merangkumi adat dan identiti (peruntukan formal dan undang-undang, identiti dan nilai), sosial (kesedaran dan pemahaman, interaksi kekeluargaan, norma sosial), ekonomi (pemeliharaan dan pemuliharaan, kelangsungan hidup, persaingan ke atas tanah), budaya (melindungi dan mempertingkat kawalan, mengatur tingkah laku), serta kepimpinan dan pemerksaan (penglibatan dan kerjasama pihak berkepentingan, proses pembuatan keputusan). Kajian ini seterusnya menyumbang kepada sorotan kajian literatur yang sedia ada yang signifikan untuk memahami keperluan pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli.

**Kata kunci:** Orang Asli, pemilikan tanah, pengiktirafan tanah, tanah adat, tinjauan literatur

## Land ownership of the indigenous peoples: A literature review

### Abstract

Awareness, mindset and family interaction among indigenous peoples in understanding the needs of land ownership is infirm yet. The existence of social norms formed in the community groups with their own identity and values of indigenous people requires arrangements through formal and legal provisions to resolve any issue or conflict related to customary land. Ownerships are indeed important to fight for to ensure its sustainability, to maintain the effort on conservation and preservation as well as to overcome any competition over the land. This article highlights the importance of the need for land ownership among the indigenous community. The objective of this article is to provide understanding and justification of the need for land ownership among the indigenous community by using a narrative literature review which has been conducted based on secondary data obtained through electronic databases and some reference from articles and journals. Based on the narrative literature review, it found that the needs in land ownership can be divided into five main elements. There are tradition and identity (formal and legal provisions, identity and values), social (awareness and understanding, family interaction, social norms), economic (preservation and conservation, sustainability, competition over land), cultural (protecting and enhancing control, regulating behavior), as well as leadership and empowerment (the cooperation and engagement by stakeholders, managerial processes). This study also contributes to the existing literature which are significant for understanding the needs of land ownership among these indigenous people.

**Keywords:** Indigenous people, land ownership, land recognition, customary land, literature review

### Pengenalan

Orang Asli merupakan sebuah kelompok yang berlainan sosial dan budaya kerana mempunyai ikatan leluhur kolektif dengan tanah dan sumber semulajadi tempat mereka duduki (World Bank, 2021). Keperluan menjamin hak pemilikan ke atas tanah merupakan kunci asas meningkatkan daya tahan ekosistem. Orang Asli atau disebut *Indigenous Peoples* menurut United Nations (UN) merupakan pewaris atau pengamal budaya yang unik memiliki cara interaksi dengan persekitaran berdasarkan ciri-ciri sosial, ekonomi dan politik yang berlainan. Mereka lebih digambarkan berkongsi masalah yang sama iaitu mencari pengakuan atau pengiktirafan terhadap identiti, cara hidup dan khususnya hak pemilikan ke atas tanah. Perspektif pemilikan tanah dilihat secara global sebagai kawalan atau penggunaan secara kolektif dan juga “*social conventions*” iaitu bagaimana tanah dipegang mahupun dikelola serta pemilik tanah bebas sepenuhnya untuk membuat keputusan tentang penggunaannya (Stankovics et al., 2020; USAID, 2013). Oleh yang demikian, pemilikan dalam konteks global tidak memberi penekanan kepada melindungi hak milik orang Asli dari segi undang-undang adat. Sistem pemilikan tanah di Barat melihat tanah sebagai suatu pemilikan eksklusif dan insentif, sementara itu masyarakat pribumi pula menganggap tanah sebahagian daripada kehidupan mereka (Berita Harian, 2019).

Oleh itu, tidak menghairankan jika tanah dianggap sumber dan aset paling bernilai bagi memastikan keberadaan pemilikan orang Asli. Keadaan ini mendorong kepada keperluan pemilikan yang lebih jelas yang merangkumi hak terhadap mengguna, menduduki, menikmati, menyewa, menjual atau memusnahkan (Stankovics et al., 2020). Hal ini perlu dipertimbangkan sebaik mungkin bagi memastikan mereka mendapat manfaat dari pemilikan tersebut. Ini kerana pemilikan merupakan satu konsep yang mempengaruhi keadaan sosial dan seterusnya membentuk kehidupan sesebuah komuniti (DeScioli et al., 2017). Hubungan penguasaan ke atas tanah dikaitkan dengan kebimbangan penduduk orang Asli terhadap kemusnahaan sumber semula jadi dan kehilangan tanah adat disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembangunan (Perrson et al., 2017). Oleh kerana pemilikan tanah berkait rapat dengan keperluan mempertahankannya dalam konteks kolektif, maka elemen dalam pemilikan bagi tujuan kelangsungan hidup hendaklah diteliti dengan sebaik mungkin (IWGIA, 2020).

Bagi memastikan keperluan pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli difahami dalam konteks naratifnya, maka justifikasi terhadap keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli, akan dikonseptualisasikan dalam tinjauan literatur. Oleh yang demikian artikel ini membincangkan tentang kepentingan pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli. Perbincangan tentang keperluan pemilikan ini difahami dalam suatu bentuk sorotan karya naratif.

## **Metodologi**

Berdasarkan metodologi, artikel ini adalah tinjauan literatur yang membahas persoalan seperti berikut: Bagaimana keperluan pemilikan tanah dikonseptualisasikan dalam kajian literatur? Bagi menjawab persoalan, artikel ini memberi justifikasi keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli secara objektif dibincangkan berdasarkan tinjauan literatur merangkumi lima elemen penting: (i) adat dan identiti; (ii) sosial; (iii) ekonomi (material); (iv) budaya; (iv) kepimpinan dan pemerksaan. Bahan atau material untuk tinjauan dibuat berdasarkan data sekunder yang diperoleh melalui pangkalan data elektronik dan rujukan artikel dan jurnal. Di sini, pencarian dilakukan menerusi pangkalan data jurnal terindeks seperti Elsevier, Sciencedirect, Scopus, Wiley, SAGE, Web of Science, dan Repotori Jurnal Artikel UKM (UJAR). Tema-tema seperti orang Asli, pemilikan tanah dan tanah adat telah dikenalpasti untuk mengumpul maklumat. Melalui pendekatan tinjauan literatur, terdapat sebanyak 59 penulisan telah dianalisis dan daripada jumlah tersebut, 43 penulisan adalah berbentuk jurnal, 3 penulisan berbentuk laporan, 11 penulisan berbentuk artikel, dan 2 penulisan berbentuk rencana akhbar.

## **Hasil dan perbincangan**

Keperluan pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli berdasarkan hasil penelitian data atau sumber-sumber sekunder dapat diklasifikasikan kepada lima (5) elemen iaitu elemen adat dan identiti, elemen sosial, elemen ekonomi atau material, elemen budaya, serta elemen kepimpinan dan pemerksaan (Johnson et al., 2018; Howitt, 2020; Karigawa, 2018; Watt et al., 2020; Azima et al., 2020; Zaimah et al., 2016; Oppong-Kusi et al., 2019; Bae, 2021; Hull et al., 2019; Perrson et al., 2017; Pert et al., 2020, Leonard et al., 2020; Cobbinah et al., 2020; Hilaire et al., 2019).

### *Keperluan pemilikan tanah*

Umumnya terdapat tiga jenis pemilikan tanah lazimnya diamalkan oleh masyarakat orang Asli yang merangkumi tanah dipegang oleh kerajaan persekutuan, tanah secara hak milik bersama serta tanah milik persendirian (Johnson et al., 2018). Keperluan kepada pemilikan tanah dapat dijelaskan dalam konteks hubungan masyarakat dengan tanah dari aspek sosial, ekonomi dan politik (Howitt, 2020). Tanah dianggap sebagai sumber kehidupan bagi masyarakat orang Asli. Melalui hubungan ini, peranan dan tanggungjawab masyarakat orang Asli adalah untuk melindungi, memelihara dan mempertahankan tanah mereka berdasarkan undang-undang negara. Keadaan ini telah membawa kepada satu gerakan perjuangan oleh pemilik tanah untuk mendapatkan hak tanah.

Kedudukan dan kepentingan masyarakat minoriti dalam konteks keperluan mendapatkan pegangan ke atas tanah dapat dicapai dengan adanya pentadbiran tanah yang baik (Karigawa, 2018). Mekanisme pentadbiran tanah berserta undang-undang adat perlu merangkumi keselamatan dan fleksibiliti untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pemilik tanah. Keperluan pemilikan tanah adat dipegang oleh suku masyarakat amat perlu untuk memperkuuh ikatan kekeluargaan dan menjaga nilai tanah adat bagi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat. Ikatan kekeluargaan terangkum dalam aspek sosial telah mendorong kepada keperluan pemilikan tanah masyarakat orang Asli (Watt et al., 2020; Azima et al., 2020). Hubungan yang kuat dengan tanah dari aspek agama, rohani dan juga adat perlu dalam usaha mendapatkan pegangan pemilikan ke atas tanah. Pihak kerajaan seterusnya digambarkan mempunyai peranan utama dalam sistem pemilikan tanah dan kepentingan aspek undang-undang dan adat bagi mengatasi pertikaian dalam kalangan masyarakat mereka. Oppong-Kusi et al. (2019) menjelaskan bahawa pertikaian yang timbul telah mendorong keperluan penelitian pihak kerajaan terhadap dasar pentadbiran mengadakan dokumen pemilikan tanah yang lebih baik. Hal ini kerana penguasaan terhadap pentadbiran dan governan yang baik dapat mengurangkan impak pertikaian tanah yang berlaku dalam kalangan orang Asli.

Sepertimana penguasaan dan pengaturan ke atas tanah adat dirujuk sebagai suatu sistem yang digunakan oleh masyarakat adat di untuk menyatakan pemilikan dan akses ke tanah (Bae, 2021). Namun begitu, sistem pemilikan tanah adat di Afrika merupakan pemilikan tidak mutlak dan hanya diberi kepada masyarakat yang menduduki tanah tersebut. Situasi ini menjelaskan timbulnya isu atau konflik dalam sistem hak milik tanah adat di Afrika akibat kejadian perampasan tanah mendorong keperluan penguasaan. Penguasaan tersebut dapat difahami dalam konteks sistem sosial ataupun kod undang-undang yang mana merupakan peraturan-peraturan diterima secara komunal yang perlu dipatuhi oleh masyarakat untuk mendapatkan akses ke tanah adat (Hull et al., 2019).


Selain itu, hubungan penguasaan dalam konteks sejarah antara penduduk orang Asli dan pihak pemerintahan berkait keimbangan terhadap kemusnahan sumber semula jadi dan kehilangan tanah berpunca daripada aktiviti-aktiviti pembangunan seperti perlombongan (Persson et al., 2017). Kepercayaan adat terhadap hak untuk mengguna dan mengurus tanah perlu diberi kepada orang Asli bagi survival dan budaya mereka. Oleh itu, eksloitasi oleh rancangan pembangunan telah menyebabkan keperluan masyarakat orang Asli untuk memiliki tanah didorong oleh aspek adat, tradisi dan budaya, sosial dan persekitaran. Gassiy & Potravny (2019) turut menyokong bahawa konflik yang tercetus oleh aktiviti ekonomi mendorong kepada implementasi program pembangunan penting bagi memenuhi keperluan pemilikan tanah adat orang Asli dari segi sosial, persekitaran, etnologi, budaya dan cara hidup. Galakan dan kerjasama antara pihak berkepentingan menyelesaikan sesuatu konflik perlu dalam pengurusan persekitaran

secara mampan dan kelangsungan sosio-budaya mereka. Pert et al. (2020) menjelaskan melalui negosiasi, amalan dan aktiviti adat sangat perlu untuk usaha pemuliharaan tanah dan meningkatkan ekonomi masyarakat. Oleh hal demikian, konflik atau ketegangan berpunca daripada rancangan pembangunan dikait dengan proses mengiktiraf hak masyarakat Orang Asli membawa keperluan dalam konteks pemilikan tanah berdasarkan jaminan undang-undang (Browning, 2019). Hal ini kerana kebimbangan masyarakat Orang Asli terhadap impak aktiviti pembangunan telah mendorong usaha untuk memiliki tanah dan pengiktirafan ke atas pemilikan dengan kadar lebih cepat.

Sehubungan itu, aspek adat, amalan dan kepercayaan sangat penting bagi masyarakat Orang Asli terutamanya untuk mengawal penggunaan ke atas tanah adat mereka bagi mengatasi konflik yang timbul (Leonard et al., 2020). Walau bagaimanapun, tanah yang diduduki sebelumnya lazim diperuntukkan kepada orang Asli tetapi hak pemilikan dipegang oleh Kerajaan. Bagi mereka, hak pemilikan tanah ini jelas signifikan untuk meningkatkan produktiviti tanah dan menyokong usaha berubah kepada amalan aktiviti ekonomi yang lebih moden dalam jangka masa yang lama. Cobbinah et al. (2020) juga berpendapat bahawa keperluan pemilikan tanah orang Asli berkait pentadbiran tanah dan penggunaannya kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan. Keadaan ini berkait rapat dengan usaha pihak kerajaan dalam memberi penekanan kepada aspek perancangan dan pengurusan tanah secara mampan sangat bagi menggalakkan penglibatan dalam kalangan masyarakat orang Asli.

Oleh hal demikian, masyarakat orang Asli juga mempunyai peluang dan ruang untuk melibatkan diri dalam program pembangunan sosial yang mempengaruhi tanah adat mereka. Peluang ini dijelaskan dalam kepentingan suku mereka merangkumi hak membuat keputusan serta hak memiliki, menguasai dan menggunakan tanah adat sebagaimana diakui dalam undang-undang negara seperti diperuntukkan oleh UNDRIP dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Creamer & Hall, 2019). Perkara ini juga disokong oleh Hilaire et al. (2019) yang meneliti isu sejauhmana keberkesanan aspek undang-undang dan peraturan negara dalam melindungi hak tanah masyarakat adat. Kawalan dan negosiasi tanah oleh pihak berkepentingan sama ada pihak kerajaan atau masyarakat orang Asli telah membawa kepada keperluan pemilikan tanah dalam konteks mengekalkan keberadaan hak tanah melalui peraturan

Berdasarkan sorotan literatur yang diperoleh, maka terbentuknya kerangka konsep bagi memahami keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli yang merangkumi elemen adat dan identiti, elemen sosial, elemen ekonomi atau material, elemen budaya dan elemen kepimpinan dan pemerkasaan. Rajah 1 memberi gambaran perbincangan konseptual.



Sumber: Adaptasi dari kajian Watt et al., (2020); Gabreamanual & Makebo (2018); Vijeyasri & Mazliza (2017); Mendoza-Ramos & Prideaux (2018); Mango et al. (2017); Oniki et al. (2020); Greaves (2018); Azima et al. (2020); Uloko & Yager (2017); Schultz et al. (2018); Jens Korff (2018)

**Rajah 1.** Kerangka konseptual keperluan pemilikan tanah.

Konsep keperluan pemilikan membincangkan elemen-elemen keperluan secara keseluruhan untuk memahami kepentingan pemilikan tanah adat dalam kalangan masyarakat orang Asli. Seterusnya, subtopik bahagian ini menjelaskan konsep keperluan pemilikan tanah dalam konteks definisi dan elemen-elemen (Jadual 1).

#### *Konsep pemilikan tanah*

Elemen-elemen keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas iaitu Gebreamanuel & Mekebo (2018); Wily(2011); Hansjürgens et al. (2018); DeScioli et al. (2017); Luyan & Lunkapis (2016); Saidin Ernas (2018); Creswell (2014); Stankovics et al. 2020; Arora et al. (2015); Fathi Yusof (2016), seperti di dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Konsep pemilikan tanah.

| Aspek         | Konsep   |
|---------------|--|
| Sosial        | <p>Satu institusi yang dicipta oleh masyarakat bagi mengatur tingkah laku yang mana pengaturannya akan dapat menentukan bagaimana hak ke atas tanah akan dapat ditetapkan dalam sesebuah kelompok masyarakat (Gebreamanuel &amp; Mekebo, 2018; Wily, 2011; Hansjürgens et al., 2018).</p> <p>Suatu konsep asas dalam pemikiran manusia yang membentuk tingkah laku dalam kehidupan sosial komuniti (DeScioli et al., 2017; Luyan &amp; Lunkapis, 2016; Saidin Ernas, 2018; Creswell, 2014).</p>  |
| Ekonomi       | <p>Hak milik sepenuhnya terhadap penggunaannya, secara eksklusif untuk menduduki, menggunakan, menikmati, menyewa, menjual atau memusnahkan (Stankovics et al., 2020; Arora et al., 2015). Dengan itu, pemilikan boleh difahami dalam konteks suatu pemberian tanah oleh pihak berkuasa kepada individu atau badan institusi penting untuk kemajuan material dan ekonomi.</p> <p>Suatu aset penting yang memberi atau menjana sumber pendapatan kepada kelompok masyarakat yang tinggal di bandar ataupun luar bandar menerusi penjualan tanaman serta bagaimana hak individu ditentukan (Vanderpuye et al., 2020; Meinzen-Dick, Kameri-Mbote &amp; Markelova, 2009).</p>  |
| Undang-undang | <p>Pemilikan (ownership) bermaksud hak milik ke atas sesuatu, samada harta alih atau harta tanah, sebagai contohnya pemilik tanah yang sah dan berdaftar yang memiliki tanah itu melalui pemberiman oleh PBN atau melalui urusniaga <i>pindahmilik</i> dengan individu lain (Fathi Yusof, 2016).</p> <p>Pemilikan tanah turut didefinisikan secara mendalam iaitu merangkumi hak dan kepentingan pemilik (pemunya) tanah, penerima pajakan tanah rizab, atau pemegang lesen untuk menduduki tanah kerajaan, yang mana pemilik tanah memiliki hak mengguna secara eksklusif, menikmati, memiliki atau memindahkannya seperti diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara 1965.</p> <p>Hak seseorang individu terhadap tanah secara sah meliputi keluasan kawasan, sempadan tanah, lokasi dan kedudukan yang mana dijamin oleh undang-undang bertulis iaitu di bawah Fasal 13 Perlembagaan Persekutuan (Hasrol &amp; Farid, 2016). Melalui peruntukan undang-undang, pemilik tanah mampu mengekalkan atau mempertahankan milikan tanah sama ada melalui pemilikan secara warisan, pemberiman tanah oleh pihak berkuasa negeri atau menerusi pembelian atau urus niaga tanah yang sah atau diakui.</p> |

Sumber: Gebreamanuel & Mekebo (2018); Wily (2011); Hansjürgens et al. (2018); Stankovics et al. (2020); Arora et al. (2015); Vanderpuye et al. (2020); Meinzen-Dick, Kameri-Mbote & Markelova (2009); Fathi Yusof (2016); Hasrol & Farid (2016)

*Elemen keperluan pemilikan tanah*

Justifikasi dalam konteks keperluan pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli memberi penekanan kepada beberapa elemen merangkumi elemen adat dan identiti, elemen sosial, elemen ekonomi atau material, elemen budaya, dan elemen kepimpinan dan pemeriksaan seperti dalam Rajah 1 (Watt et al., 2020; Gabreamanuel & Makebo, 2018; Vijeyasri & Mazliza, 2017; Mendoza-Ramos & Prideaux, 2018; Mango et al., 2017; Oniki et al., 2020; Greaves, 2018; Azima et al., 2020; Uloko & Yager, 2017; Schultz et al., 2018; Jens Korff, 2018).

Dalam elemen adat dan identiti, keperluan pemilikan dikait dengan pengiktirafan terhadap pemilikan secara formal dapat diteliti dari segi implikasi dan manfaatnya kepada usaha mempertahankan tanah adat berdasarkan undang-undang, etnik dan identiti orang Asli (van der Muur, 2018). Melihat dalam konteks peraturan penguasaan bagaimana hak ke atas tanah ditentukan dalam kelompok masyarakat dicapai dengan adanya peruntukan formal dan undang-undang adat (Gebreamuel & Mekebo, 2018). Penguasaan terhadap tanah ini menjadi sangat penting dalam konteks sosial, ekonomi dan politik. Bertepatan dengan makna pemilikan merujuk satu institusi dibentuk oleh masyarakat untuk mengatur segala tingkah laku dalam kalangan mereka. Namun, penguasaan tanah tersebut seringkali samar-samar dikait situasi apabila adanya kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang formal yang seterusnya cenderung membawa kepada kegiatan eksloitasi (Gebreamuel & Mekebo, 2018). Malah, ada ketikanya dianggap tidak adil apabila pengelolaan tanah adat akhirnya telah mencetuskan konflik dalam antara para pemilik dengan sektor yang berkaitan. Makna tanah adat itu sendiri didapati perlu difahami dengan lebih mendalam mengambil kira aspek undang-undang memandangkan tidak semua negeri di Malaysia memberi pemilikan dan mengiktiraf tanah adat orang Asli mengakibatkan pembangunan ke atas suku mereka sukar diadakan (Harian Metro, 2020).

Sehubungan itu, keperluan memiliki tanah dapat dilihat konteks masyarakat minoriti (atau disebut orang pribumi) memiliki adat dan identiti seperti bahasa yang berbeza berdasarkan wilayah geografi mereka (Vijeyasri & Mazliza, 2017). Gambaran ini menjelaskan bahawa identiti mereka sebagai “penjaga” tanah tidak akan terhapus kerana lazimnya mereka mempraktikkan cara hidup, adat dan kepercayaan orang Asli. Nilai tanah yang sangat tinggi menjadi nadi kehidupan untuk kelangsungan warisan kepada generasi mereka seterusnya menyebabkan nasib suku mereka sangat tergantung pada hutan yang menjadi tanah rayau atau tanah adat (Harian Metro, 2019). Situasi ini telah menimbulkan tanda tanya adakah kemungkinan identiti mereka sebagai orang Asli akan terhapus jika rancangan pembangunan diadakan telah menyebabkan keimbangan membelenggu masyarakat mereka saban hari. Oleh hal demikian, aspek amalan atau kepercayaan adat orang Asli perlu untuk mengawal penggunaan atau penguasaan ke atas tanah (Leonard et al., 2020). Bagi masyarakat adat, hak pemilikan tanah yang diduduki dapat dipertahankan jika tanah tersebut dipegang oleh suku mereka sendiri. Tanah merupakan sumber penting kepada identiti orang Asli dalam konteks sosial dan geografinya memberi makna kepada kehidupan adat mereka (Yonatan & Nugraha, 2021).

Dalam elemen sosial, aspek kesedaran dan pemahaman dapat ditentukan berdasarkan ciri-ciri individu dan sosial masyarakat adat terhadap hak pemilikan penting untuk mencapai usaha pemuliharaan tanah (Mango et al., 2017). Keperluan pemilikan tanah adat didorong oleh aspek kesedaran dan pemahaman dalam kalangan masyarakat orang Asli menghasilkan usaha resolusi kepada isu dan masalah berkaitan tanah adat mereka. Situasi ini menjelaskan kepentingan meletakkan suku mereka dalam subjek utama pembangunan termasuklah usaha mengadakan pemetaan dan mengenalpasti hak tanah adat sebagai hak orang Asli serta pemberian atau pengeluaran dokumen atau sijil pemilikan (Chaplier, 2018; Anthias, 2019). Seterusnya, elemen kesedaran ini memberi tumpuan kepada aspek ikatan kekeluargaan yang terangkum dalam keperluan sosial untuk mendapatkan pegangan pemilikan ke atas tanah adat (Watt et al., 2020). Usaha memperkuuh akses ke atas tanah juga dapat dicapai dengan adanya interaksi sosial dalam kalangan masyarakat mereka (Johnson et al., 2018). Hubungan penguasaan melalui elemen sosial ini jelas dapat memberi resolusi penting terhadap isu konflik mahupun pertikaian terhadap tanah adat membawa kepada perundingan dalam kalangan pihak berkepentingan (Rodríguez & Inturias, 2018). Oleh hal demikian, keunikan amalan, integriti dan budaya masyarakat orang Asli perlu

untuk menghasilkan pengetahuan, makna, nilai dan norma berkaitan tanah mereka supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan sejahtera. Melalui rundingan, norma sosial yang dibentuk melalui konsensus kelompok masyarakat dapat membantu masyarakat adat untuk mengurus sumber semulajadi seperti tanah. Malahan, semakin tinggi nilai norma sosial telah menggalakan masyarakat orang Asli turut terlibat untuk memahami perihal pentingnya hak kawalan ke atas tanah adat (Oniki et al., 2020).

Dalam elemen ekonomi atau material, kepentingan memahami pemilikan tanah juga dapat diteliti berkait cabaran masyarakat orang Asli untuk mengekalkan kelangsungan dan kesejahteraan hidup (Greaves, 2018). Bagi pemilik tanah, pengakuan hak kepada tanah perlu supaya mereka dapat menduduki dan seterusnya mengelolakekayaan daripada sumber adat dan tradisional terdapat di wilayah mereka. Hal ini demikian kerana tanah sememangnya sangat penting sebagai sumber ekonomi dan meningkatkan pendapatan masyarakat orang Asli (Zaimah et al., 2017). Dalam pada itu, pemilikan tanah perlu diperjuangkan menjadi keperluan untuk mengekalkan kelangsungan hidup masyarakat adat dalam konteks menjana sumber bahan mentai, ekonomi dan survival (Azima et al., 2020). Oleh hal demikian untuk mengekalkan kelangsungan hidup, keperluan pemilikan dapat dibincangkan dalam konteks usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tanah (Uloko & Yager, 2017). Keadaan ini menjelaskan pengetahuan dan nilai adat serta penglibatan pihak berkepentingan dalam pentadbiran tanah amat penting kepada masyarakat orang Asli untuk mengekalkan pemilikan melalui usaha pemeliharaan tersebut (Uloko & Yager, 2017). Namun, ada ketikanya isu tanah yang semakin terhad dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran mendorong persaingan dan wujudnya kepentingan dalam konteks pemilikan tanah. Persaingan ke atas tanah telah mewujudkan perasaan bimbang dan tidak selamat mengakibatkan masyarakat orang Asli terpengaruh untuk mendapatkan geran pemilikan (Azima et al., 2020). Bagi orang Asli, usaha ini dilakukan membolehkan hak milik mereka dapat dipertahankan daripada diceroboh sewenang-wenangnya oleh agensi pembangunan sama ada syarikat pembalakan mahupun sektor swasta yang lain.

Dalam elemen budaya, dapat dijelaskan dalam konteks keperluan pemilikan tanah untuk mengekalkan dan memperjuangkan budaya dan tradisi masyarakat orang Asli. Bagi mereka, tanah merupakan kaedah untuk membentuk kehidupan dan ianya dianggap sebagai rumah (Jens Korff, 2018). Sehubungan itu, usaha mengekalkan tanah adat berkait dengan interaksi yang sangat rapat dengan tanah yang kemudiannya membentuk elemen budaya dan kedaulatan mereka. Hal ini kerana suku orang Asli sangat menitikberatkan aspek menghormati ketua atau pemimpin dalam keluarga, dan komuniti (Sarjit & Mohd Roslan, 2018), seterusnya menjadikan mereka memiliki budaya yang sangat unik. Keadaan ini menjelaskan keperluan masyarakat orang Asli untuk mempertahankan hak pemilikan ke atas tanah menyebabkan mereka ingin mempunyai hak untuk membuat keputusan berkaitan hal-ehwal tanah adat (Creamer & Hall, 2019). Oleh itu, aspek budaya mendorong pengaturan terhadap tingkah laku masyarakat orang Asli dalam kehidupan kerana mereka memegang budaya, ekologikal, pengetahuan dan bahasa yang tersendiri (Schultz et al., 2018). Tambahan pula, tanah digambarkan sebagai identiti budaya orang Asli menjadi suatu kebanggaan penting bagi usaha pengekalan taraf milikan tanah dan pengiktirafan terhadap pemilikan (Zaimah et al., 2017).

Dalam elemen kepimpinan dan pemerkasaan (*empowerment*), keperluan pemilikan tanah dilihat penting dalam sokongan pimpinan pemerintahan dan keupayaan komuniti untuk bekerja dan melibatkan diri dengan pihak berkepentingan (stakeholder) sama ada agensi kerajaan mahupun sektor swasta (Mendoza-Ramos & Prideaux, 2018). Keadaan ini seterusnya menyebabkan campur tangan dan negosiasi dalam kalangan pihak pentadbiran dan governan (Kuriyope, 2019).

Penglibatan masyarakat orang Asli dijelaskan dalam konteks mendapatkan pengiktirafan atau geran pemilikan penting untuk memastikan hak dan kepentingan ke atas tanah adat diakui. Oleh hal demikian, pengkaji melihat faktor pentadbiran dari fungsi kepimpinan dan pemerksaan dalam kalangan masyarakat orang Asli sangat perlu dalam mempengaruhi pembuatan keputusan (Mendoza-Ramos & Prideaux, 2018). Hal ini kerana peluang dan ruang diberi kepada mereka untuk membuat keputusan terhadap pemilikan tanah dilihat manfaatnya dari segi kualiti hidup, budaya, bahasa, pengetahuan dan perpaduan masyarakat orang Asli (Schultz et al., 2019). Oleh itu, keadaan ini akhirnya mendorong keperluan pemilikan tanah adat dalam kalangan orang Asli.

## Perbincangan

Secara keseluruhannya, tanah merupakan sumber terpenting dalam kehidupan orang Asli dan memilikinya memberi kepentingan pemilikan yang tidak ternilai (Yonantan & Nugraha, 2021). Bagi masyarakat minoriti ini, keperluan pemilikan tanah bertambah bernilai kerana hubungannya yang tersangat rapat dengan tanah terjalin sejak zaman nenek moyang mereka (Salfarina et al., 2021). Dalam konteks dapatan sorotan literatur yang diperoleh, pengkaji dapat meneliti isu-isu semasa dan relevan berhubung hak aset tanah dari pelbagai aspek kehidupan dan bagaimana cara hidup dan penempatan nomad masyarakat orang Asli di tanah adat atau rizab mendorong keperluan memiliki tanah dari segi adat dan identiti, sosial, ekonomi, budaya dan kepimpinan dan pemerksaan. Dengan itu, justifikasi mengenai keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli dapat difahami dari sudut sosial, ekonomi dan politik serta adat (Howitt, 2020; Watt et al., 2020; Azima et al., 2020; Oppong-Kusi et al., 2019).

Kepelbagaian tahap pemikiran, pandangan dan persepsi masyarakat orang Asli terhadap pemilikan tanah masih menebal telah menjadi salah satu faktor pendorong kepada keperluan pemilikan dari aspek sosial, adat dan identiti. Harapan orang Asli untuk kekal dengan keunikan identiti, budaya mahupun sosial dikaitkan dengan pengetahuan yang perlu ada pada masyarakat yang menghasilkan makna, nilai dan norma tentang tanah adat (Rodríguez & Inturias, 2018). Isu ini berpunca dari nilai tanah adat yang semakin bernilai di pasaran tanah. Situasi ini seterusnya menyebabkan perubahan sosial yang telah mengubah norma atau etika pada individu atau masyarakat orang Asli mendorong mereka mempunyai kesedaran terhadap kepentingan memiliki tanah.

Begitu juga dengan isu kepelbagaian budaya dan tahap pemikiran segelintir kaum termasuklah orang Asli digambarkan masih menebal telah menjadi salah satu faktor keperluan pemilikan tanah adat di negara ini. Oleh itu, faktor pentadbiran tanah yang baik dapat dicapai dengan kesepakatan dan rundingan pihak kerajaan bersama masyarakat orang Asli terhadap hak milik ke tanah adat mereka. Misalnya usaha ini dapat dilakukan melalui cadangan pindaan undang-undang iaitu Akta 134 (Akta Orang Asli 1954) untuk menjamin hak dan kepentingan masyarakat orang Asli. Perlunya norma sosial yang dibentuk melalui konsensus masyarakat bagi orang Asli untuk mengurus tanah dan sumber semulajadi supaya mereka lebih memahami perihal kawalan ke atas tanah adat (Oniki et al., 2020). Oleh hal demikian, kronologi keperluan pemilikan yang menjadikan tanah dianggap bukan sahaja sebagai identiti budaya, kelangsungan warisan tetapi sumber ekonomi (Zaimah et al., 2017).

Melalui kepimpinan pemerintahan dan pemerksaan, atau governan yang baik, kesedaran dan advokasi sangat perlu diadakan bagi memahami kepentingan pemilikan tanah dengan lebih mendalam agar perpaduan dan integrasi suku orang Asli dari semua aspek kehidupan dapat

dibentuk. Oleh hal demikian, pentingnya pengaturan dan penguasaan dalam konteks undang-undang adat dan peruntukan formal dalam membentuk sikap individu yang inginkan persekitaran wilayah yang diduduki dalam keadaan aman dan harmoni yang dapat dilaksanakan melalui usaha pemeliharaan dan pemuliharaan.

Sehubungan itu, kesignifikanan pemilikan tanah bagi masyarakat orang Asli adalah untuk mengekalkan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Hal ini kerana tanah dianggap sebagai nilai kekayaan komuniti, ataupun aset ekonomi yang juga membentuk ikatan solidariti dalam kalangan mereka menjadi keperluan utama pemilikan orang Asli (Azima et al., 2020). Seterusnya, kepentingan pemilikan tanah dapat dibincangkan dalam konteks pemeliharaan dan pemuliharaan tanah melalui penglibatan dan keupayaan orang Asli untuk “sustain” bukan sahaja dari pegangan tanah tetapi pengetahuan dan nilai adat (Nkomoki et al., 2018; Uloko & Yager, 2017). Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan ini dapat dijalankan dengan adanya negosiasi, amalan dan aktiviti adat yang berupaya menjana dan meningkatkan ekonomi masyarakat (Pert et al., 2020). Penguasaan ke atas tanah dilihat dapat memperkuuh pegangan pemilikan bagi mempertahankan kelangsungan dan keharmonian masyarakat adat secara mampan dari semua faktor kehidupan (Aragón & Kessler, 2020).

Keperluan pemilikan tanah dilihat dalam konteks hubungan penguasaan antara masyarakat orang Asli dengan pihak pemerintahan dikaitkan dengan kebimbangan terhadap kemusnahan sumber semulajadi dan kehilangan tanah dari kegiatan-kegiatan pembangunan (Perrson et al., 2017). Hak adat untuk mengguna dan mengurus tanah dijelaskan sememangnya perlu dipegang oleh orang Asli itu sendiri terutamanya untuk kelangsungan identiti, budaya mahupun survival suku mereka. Bagi orang Asli, keperluan pemilikan dan pengiktirafannya ke atas tanah adat terutamanya dalam bentuk dokumen atau geran pemilikan mampu memberi kekuatan kepada komuniti untuk mempertahankan tanah leluhur mereka. Oleh itu, keperluan mendapatkan hak pemilikan ke atas tanah orang Asli berkait dengan campur tangan dan negosiasi pentadbiran dan governan dapat dicapai melalui pengiktirafan dan pemberian geran pemilikan terhadap tanah adat oleh kerajaan (Kuriyope, 2019).

## Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa keperluan memahami perihal pemilikan tanah menjadi sangat penting terutamanya dalam konteks identiti, adat, sosial, ekonomi, budaya serta kepimpinan dan pemerksaan. Oleh yang demikian, hubungan penguasaan terhadap tanah boleh menghasilkan kesan positif bukan sahaja kepada kelangsungan hidup tetapi pemeliharaan dan pemuliharaan tanah secara keseluruhannya. Keadaan ini mendorong terhadap kepentingan memiliki tanah melalui dokumen atau geran pemilikan yang diiktiraf. Dengan itu, fungsi sokongan dari segi kepimpinan dan pemerksaan pihak kerajaan mahupun governan perlu bagi memastikan masyarakat orang Asli boleh memiliki tanah melalui pemberian geran pemilikan. Ini penting untuk menjamin keberadaan pemilikan mereka dan generasinya kelak. Seterusnya, mempertahankan wilayah tanah adat mereka daripada sebarang pencerobohan oleh individu mahupun pembangunan.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2020-045) kerana telah membantai kajian ini.

## Rujukan

- Anthias, P. (2019). Ambivalent cartographies: Exploring the legacies of indigenous land titling through participatory mapping. *Critique of Anthropology*, 39(2), 222-242.
- Aragón, F. M., & Kessler, A. S. (2020). Property rights on First Nations reserve land. *Canadian Journal of Economics/Revue canadienne d'économique*, 53(2), 460-495.
- Arora, P., Bert, F., Podesta, G., Krantz, D.H., (2015). Ownership effect in the wild: Influence of land ownership on agribusiness goals and decisions in the Argentine Pampas. *Journal of Behavioral and Experimental Economics*, 58, 162–170. <https://doi.org/10.1016/j.socrec.2015.02.007>.
- Azima Abd Manaf, Zaimah Ramli & Sarmila Md. Sum. (2020). Ekologi dan corak pemilikan tanah adat etnik bidayuh. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(1), 37–51.
- Bae, Y. J. (2021). Analyzing the changes of the meaning of customary land in the context of land grabbing in Malawi. *Land*, 10(8), 836.
- Berita Harian. (2019). Kerajaan PH komited lindungi hak orang Asli. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/521570/kerajaan-ph-komited-lindungi-hak-orang-asli>.
- Browning, Z. (2019). A comparative analysis: Legal and historical analysis of protecting indigenous cultural rights involving land disputes in Japan, New Zealand, and Hawai'i. *Washington International Law Journal*, 28(1), 207-242.
- Chaplier, M. (2018). Property as Sharing: A Reflection on the Nature of Land Ownership among the Cree of Eeyou Istchee after the "Paix des Braves". *Anthropologica*, 61-75.
- Cobbinah, P. B., Asibey, M. O., & Gyedu-Pensang, Y. A. (2020). Urban land use planning in Ghana: Navigating complex coalescence of land ownership and administration. *Land Use Policy*, 99(May), 105054. <https://doi.org/10.1016/j.landusepol.2020.105054>.
- Creamer, S., & Hall, N. L. (2019). Receiving essential health services on country: Indigenous Australians, native title and the United Nations Declaration. *Public Health*, 176, 15–20.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- DeScioli, P., Karpoff, R., & De Freitas, J. (2017). Ownership dilemmas: the case of finders vs. landowners. *Cognitive Science*, 41, 502–522. <https://doi.org/10.1111/cogs.12486>
- Gassiy, V., & Potravny, I. (2019). The compensation for losses to indigenous peoples due to the arctic industrial development in the benefit sharing paradigm. *Resources*, 8(2). <https://doi.org/10.3390/resources8020071>.
- Gebreammanuel, D. B., & Mekebo, G. D. (2018). Res nullius vs. res communis in matters of communal lands of smallholder farmers in Ethiopia. *Mizan Law Review*, 12(1), 99. <https://doi.org/10.4314/mlr.v12i1.4>.
- Greaves, W. (2018). Damaging environments: land, settler colonialism, and security for indigenous peoples. *Environment and Society: Advances in Research*, 9(1), 107–124. <https://doi.org/10.3167/ares.2018.090108>.

- Hansjürgens, B., Lienkamp, A., M'ockel, S. (2018). Justifying soil protection and sustainable soil management: creation-ethical, legal and economic considerations. *Sustainability*, 10 (10), 3807. <https://doi.org/10.3390/su10103807>.
- Harian Metro. (2020). *Ada negeri tak iktiraf tanah adat Orang Asli*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/535099/ada-negeri-tak-iktiraf-tanah-adat-orang-asli>
- Hilaire, T., Hanifah, M., & Ardiyanto, S. Y. (2019). Legal protection for communal land to prevent land conflicts in both West Sumatra and Riau Provinces. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22(2), 2019.
- Howitt, R. (2020). Land Rights. In *International Encyclopedia of Human Geography* (Second Edi, Vol. 8). Elsevier.
- Hull, S., Babalola, K., & Whittal, J. (2019). Theories of land reform and their impact on land reform success in Southern Africa. *Land*, 8(11), 172. <https://doi.org/10.3390/land8110172>.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2021). <https://www.jakoa.gov.my/akta-perundangan/>
- Jaya, D. J., Hidayah, R., Akmal, D. U., & Yonathan, A. (2021). Categorization of Solutions For Indigenous People In Customary Land-Use Conflicts In Indonesia. *Journal Sampurasun : Interdisciplinary Studies for Cultural Heritage*, 7(1), 1–16.
- Jens Korff. (2018). *Aboriginal Culture Essentials*. Cambridge University Press: Cambridge
- Johnson, M. K., Lien, A. M., Sherman, N. R., & López-Hoffman, L. (2018). Barriers to PES programs in Indigenous communities: A lesson in land tenure insecurity from the Hopi Indian reservation. *Ecosystem Services*, 32, 62-69.
- Karigawa, M. L. (2018). Eroding fabrics of communal land ownership in Papua New Guinea. *International Journal of Environment, Agriculture and Biotechnology*, 3(4), 1353–1364.
- Klaudio, I Made Suwitra. (2017). Kepemilikan Hak atas tanah bagi warga negara Timor Leste menurut konstitusi republik demokratik Timor Leste Tahun 2002. *Jurnal Prasada*, 4(1), 42–49.
- Kuriype, R. (2019). Recognising Indigenous land: analysing the success of native title and land rights campaigns. *NEW: Emerging Scholars in Australian Indigenous Studies*, 4(1), 58–64.
- Leonard, B., Parker, D. P., & Anderson, T. L. (2020). Land quality, land rights, and indigenous poverty. *Journal of Development Economics*, 143, 102435.
- Luyan, M. H., & Lunkapis, G. J. (2016). Konflik Hak Tanah Adat (Native Customary Rights) Kampung Imahit, Tenom, Sabah. *Geografi*, 4(1), 69–79.
- Mango, N., Makate, C., Tamene, L., Mponela, P., & Ndengu, G. (2017). Awareness and adoption of land, soil and water conservation practices in the Chinyanja Triangle, Southern Africa. *International Soil and Water Conservation Research*, 5(2), 122–129.
- Meinzen-Dick, R., Kameri-Mbote, P., & Markelova, H. (2009). *Property rights for poverty reduction?*. New York, USA.
- Mendoza-Ramos, A., & Prideaux, B. (2018). Assessing ecotourism in an Indigenous community: using, testing and proving the wheel of empowerment framework as a measurement tool. *Journal of Sustainable Tourism*, 26(2), 277–291.
- Mohd Hasrol Haffiz Aliasak & Mohd Farid Sa'ad. (2019). Pola pemilikan harta tanah masyarakat melayu di Bandar Seri Iskandar dan Mukim Bota. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*. Vol. 1.
- Muhammad Fathi Yusof (2016). *Undang-undang Tanah di Malaysia*. Selangor, Mus'ab e-book publication.

- Nichiforel, L., Keary, K., Deuffic, P., Weiss, G., Thorsen, B.J., Winkel, G., et al. (2018). How private are Europe's private forests? A comparative property rights analysis. *Land Use Policy*, 76, 535–552.
- Oniki, S., Berhe, M., & Negash, T. (2020). Role of Social Norms in Natural Resource Management: The Case of the Communal Land Distribution Program in Northern Ethiopia. *Land*, 9, 35.
- Oppong-Kusi, B. K., Matsui, K., & Oforiwaah Antwi, A. (2018). *The Thematic Analysis of Land Disputes in Ghana: the Case of the Dormaa Traditional Area. Proceedings of International Academic Conferences 7209503, International Institute of Social and Economic Sciences*
- Persson, S., Harnesk, D., & Islar, M. (2017). What local people? Examining the Gállók mining conflict and the rights of the Sámi population in terms of justice and power. *Geoforum*, 86, 20–29.
- Pert, P. L., Hill, R., Robinson, C. J., Jarvis, D., & Davies, J. (2020). Is investment in Indigenous land and sea management going to the right places to provide multiple co-benefits? *Australasian Journal of Environmental Management*, 249–274.
- Rodríguez, I., & Inturias, M. L. (2018). Conflict transformation in indigenous peoples' territories: doing environmental justice with a 'decolonial turn.' *Development Studies Research*, 5(1), 90–105.
- Saidin Ernas. (2018). Dari konflik ke integrasi sosial: pelajaran dari Ambon-Maluku. *International Journal of Islamic Thought*, 14(1), 99–111.
- Salfarina Samsudin, Ibrahim, N. A., Suratman, R., & Adnan, M. Z. (2021). Land for indigenous people: Ownership conflicts and government interventions in Kampung Bawong, Perak, Malaysia. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 683(1).
- Sarjit, S. G., & Mohd Roslan, R. (2018). *Pembangunan Kontemporari Orang Asli*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Schultz, R., Abbott, T., Yamaguchi, J., & Cairney, S. (2018). Indigenous land management as primary health care: Qualitative analysis from the Interplay research project in remote Australia. *BMC Health Services Research*, 18(1), 1–10.
- Schultz, R., Abbott, T., Yamaguchi, J., & Cairney, S. (2019). Australian indigenous land management, ecological knowledge and languages for conservation. *EcoHealth*, 16(1), 171–176.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2019). Laporan Tahunan 2019 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur.
- Stankovics, P., Montanarella, L., Kassai, P., Tóth, G., & Tóth, Z. (2020). The interrelations of land ownership, soil protection and privileges of capital in the aspect of land take. *Land Use Policy*, 99(July).
- The International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA). (2020). *The Indigenous World 2020 (34th ed.)*. Denmark.
- Uloko, J., & Yager, G. (2017). Indigenous land tenure system as a hindrance to the development of Pandam wildlife park. *Asian Journal of Environment & Ecology*, 5(2), 1–9.
- USAID. (2013). *Land Tenure and Property Rights Framework*. 3(September), 67. United States.
- van der Muur, W. (2018). Forest conflicts and the informal nature of realizing indigenous land rights in Indonesia. *Citizenship Studies*, 22(2), 160–174.
- Vanderpuye, I. N., Darkwah, S. A., & Živělová, I. (2020). The system of land ownership and its effect on agricultural production: The case of Ghana. *Journal of Agricultural Science*, 12(5), 57-69.

- Vijeyasri A/P Ramesh, Mazliza Mohamad. (2017). Hak tanah orang Asli: Isu-isu hak tanah orang Asli di Semenanjung Malaysia [2012] 1 LNS(A) ix Legal Network Series 1. 2013(Akta 759), 1–22.
- Watt, E., Kowal, E., & Cummings, C. (2020). Traditional laws meet emerging biotechnologies: The impact of genetic genealogy on indigenous land title in Australia. *Human Organization*, 79(2), 140–149.
- Wily, Liz Alden. (2011). The tragedy of public lands: The fate of the commons under global commercial pressure. International Land Coalition.
- World Bank. (2021). World Development Report 2021.
- Yonatan, C. E., & Nugraha, X. (2021). Analysis on the legal force of copyright registration documents as evidence of ownership of indigenous land. *Yuridika*, 36(1), 15.
- Zaimah Ramli, Azima Abd Manaf, Sarmila Md.Sum & Novel Lyndon. (2017). Nilai tanah adat di Malaysia: Kajian perspektif komuniti Bidayuh. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 171-178.